

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Status pasport vaksin sebulan lagi

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang merangka pengenalan khusus untuk mereka yang sudah disuntik vaksin COVID-19 dinamakan Sijil Vaksinasi Pintar atau 'Smart Vaccination Certificate'. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia diketahui dalam sebulan lagi.

"Saya sudah adakan persidangan maya dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Kita akan maklumkan berhubung 'Smart Vaccination Certificate' dalam masa sebulan lagi untuk kita nyatakan mengenai pasport vaksin ini," katanya di Putrajaya semalam.

Dr Adham sebelum ini memaklumkan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) sedang membangunkan sijil berkenaan, selain menilai kerjasama yang boleh dilaksanakan bersama negara lain bagi pembangunannya.

Mengulas permintaan hospital swasta mendapatkan perolehan vaksin, Dr Adham berkata, buat masa ini perolehan hanya dibuat kerajaan yang diagihkan secara percuma kepada rakyat.

Katanya, peranan hospital swasta dilibatkan pada fasa kedua Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan, iaitu membantu kerajaan sediakan fasiliti dan petugas untuk vaksinasi.

"Kita pada peringkat pelaksanaan program vaksinasi dan sudah menetapkan vaksin diberi percuma oleh kerajaan. Jadi, itu hanya perolehan dibuat kerajaan," katanya.

"Hospital swasta ingin membuat atau menerima vaksinasi kita ada saluran, iaitu kita gunakan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan beberapa persatuan lain untuk kita libatkan mereka," katanya.